

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 16 OGOS 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN : 3**

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan pihak Kementerian untuk menaik taraf dan mengatasi masalah air pasang melimpah di Terminal Feri Kuala Kedah.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerja-kerja pergerukan dijalankan di jeti-jeti tertentu untuk mendalamkan alur sungai dan basin sungai bagi menjamin keselamatan pelayaran. Dalam konteks ini, kerja-kerja pergerukan di Terminal Penumpang Kuala Kedah telah dilaksanakan dari Oktober 2015 hingga Julai 2016 dengan kos keseluruhan berjumlah RM24.9 juta bagi mengatasi masalah mendapan yang sering berlaku di jeti tersebut. Jabatan Laut Malaysia sentiasa komited dalam memastikan keselamatan alur pelayaran di jeti-jeti utama adalah di tahap maksimum dengan melaksanakan kerja-kerja pergerukan secara berkala.

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 8 Mac 2017 telah meluluskan peruntukan berjumlah RM208.9 juta untuk melaksanakan projek pembangunan semula Terminal Penumpang dan Kargo serta *Roll-On/Roll-Off* (RORO). Antara skop projek adalah meningkatkan paras ketinggian tanah dan menaiktaraf sistem perparitan yang baik dan sistematik di Terminal Feri Kuala Kedah.

Pada masa ini, Kementerian Pengangkutan sedang dalam proses mengenalpasti kaedah perolehan dan agensi pelaksana bagi projek ini. Seterusnya, Kementerian Pengangkutan akan menganjurkan makmal pengurusan nilai dengan melibatkan agensi-agensi berkaitan. Pada masa yang sama, proses perolehan tanah untuk projek tersebut sedang dilaksanakan.

Perlantikan perunding secara tender terbuka dijangka dapat dibuat pada Disember 2018 dan projek akan bermula pada suku ketiga 2019 setelah proses pemilihan kontraktor secara tender terbuka selesai.